

04 MAY 1998

AIG DAPAT PENANGGUHAN LIMA TAHUN KE ATAS SYARAT EKUITI

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad berkata American International Group Inc (AIG) telah diberikan penangguhan lima tahun untuk mematuhi syarat kerajaan untuk mengurangkan kepentingannya di dalam American International Assurance Co Ltd (AIA Malaysia) kepada 51 peratus.

"Kami akan memberikan mereka lima tahun untuk meneruskan penangguhan sehingga satu masa apabila kami bersedia," katanya selepas menyaksikan upacara menanda tanganni perjanjian usaha sama antara AIG dan Software International Corporation (M) Sdn Bhd (SI) Malaysia.

AIG dan SI akan membentuk syarikat usaha sama Malaysia bagi membabitkan diri di dalam perniagaan teknologi maklumat di Koridor Raya Multimedia (MSC). Antara lain, ia akan membabitkan pelaburan untuk aplikasi kad pintar MSC.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat insurans lain akan juga diberikan penangguhan lima tahun untuk mematuhi syarat 51 peratus itu tetapi AIG ditimbangkan terlebih dahulu.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak boleh menindas penanggung-penanggung insurans asing lain tetapi dalam hal AIG, keputusan bagi penangguhan itu adalah satu kes yang kuat.

Pada perundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) tahun lalu, Malaysia telah memutuskan untuk meletakkan had tertinggi 51 peratus ke atas kepentingan insurans asing di dalam unit tempatan.

AIG memiliki 100 peratus kepentingan di dalam AIA Malaysianya yang berpangkalan di Kuala Lumpur.

Malaysia sejak perbincangan WTO itu menggesa agar AIG menjual sebahagian daripada kepentingannya di dalam AIA Malaysia.

Mengenai usaha sama itu, Perdana Menteri berkata AIG akan mengadakan modal permulaan sebanyak AS\$10 juta, yang "saya agak pasti adalah cuma permulaan."

Beliau juga memuji AIG kerana mempunyai nama baik sebagai warga korporat yang menyimpan perolehannya di negara ini.

Beliau juga berharap agar syarikat-syarikat lain akan mengikuti jejak langkah AIG dalam rancangan pelaburan mereka untuk Malaysia.

"Khususnya, syarikat-syarikat asing patut mencontohi AIG dalam pelaburannya di dalam MSC, yang Malaysia sedang menggalakkannya secara agresif dan juga menjanjikan pelaburan yang amat baik bagi setiap syarikat," katanya.

"Saya harap upacara ini akan menandakan permulaan pelaburan langsung asing yang amat cergas dari Amerika ke Malaysia, yang tentunya, akan membantu kami pulih daripada keadaan sukar sekarang," tambahnya.

Kepada satu pertanyaan, pengerusi AIG Maurice R. Greenberg berkata untuk sementara waktu, syarikat perisian usaha sama itu tidak memerlukan modal yang banyak untuk bermula.

"Apabila perniagaan berkembang, kami akan mengadakan modal," katanya.

Mengenai jumlah yang dikhaskan oleh AIG untuk pelaburan, katanya ia akan bergantung kepada perniagaan itu tetapi enggan mengulas lanjut.

Beliau juga berkata terdapat keperluan untuk melahirkan kemahiran perisian, terutamanya dengan masalah pepijat alaf dan kekurangan pengatur acara yang mahir, jurutera pemprosesan data dan jurutera sistem untuk menangani masalah pepijat alaf atau dikenali juga dengan nama Y2K.

Apabila perniagaan kad pintar berkembang, AIA sendiri akan juga melabur

dalam bidang berkenaan, tambahnya.

Greenberg turut melahirkan keyakinan terhadap prospek pertumbuhan Malaysia dan pertumbuhan rantau ini.

Greenberg menjelaskan bahawa AIG kini berusaha ke arah mengujudkan tabung pemulihan untuk rantau ini.

"Kami telah melabur semula di dalam semua rizab kami di negara ini dan sebagai warga korporat yang baik kami akan terus berbuat demikian," katanya. AIG telah beroperasi di Malaysia selama 50 tahun dan kini mengupah 4,000 pekerja di seluruh negara. -- BERNAMA

AD SHY OS